

Angsa



dan
BURONG
MERAK



Sa-naskhah 45 sen.

ANGSA
dan
Burong Merak

Di-padankan dari
Chěrita 1001 Malam.

楊青蓮珍藏
Seleksi Yang Quee Yee

oleh :

A. H. EDRUS



YANG QUEE YEE

SA-KALI peristiwa ada sa-ekor burung mērak jantan. Mērak jantan ini dudok bērsama-sama bini-nya dēkat sa-buah laut. Kēdua ekor burung-burong ini sangat suka bērjalan-jalan dalam hutan yang jauh dari pantai laut dan yang pēnoh dēngan anak-anak sungai. Di-tēmpat itu banyak burung yang bērnyanyi. Siang hari mēreka mēnchari makan. Waktu malam mēreka tidor di-atas pohon yang rimbun supaya tiada diganggu orang. Dēmikian-lah mēreka hidup dēngan aman dan sēntosa. Mēreka hidup dēngan aman dan Tuhan yang mēmbēri rahmat-Nya kapada mēreka.

Pada suatu hari mērak jantan mēmbuat suatu chadangan kapada bini-nya. Ia mēngatakan mēreka patut pērgi makan angin ka-sabuah pulau. Pulau itu nampak dari pantai itu. Mērak bētina itu pun ikut sahaja chadangan laki-nya. Kēdua-nya pun tērbang-lah ka-pulau itu.

Sa-tiba-nya di-pulau itu di-lihat-nya pēnoh dēngan pohon buah-buahan dan bēbērapa anak sungai. Kēdua ekor burung itu pun bērasa sēronok bērjalan-jalan di-bawah pohon kayu yang rendang. Mēreka mēmakan buah-buahan yang

banyak di-situ. Mereka minum ayer yang jernih di-situ.

Sa-lėpas puas bėrmmain-main mėreka pun hėndak balek ka-rumah mėreka. Kėtika itu sa-ekor angsa datang mėnuju mėreka. Angsa itu mėngėpak-ngėpak sayap-nya dėngan kėtakutan. Dėngan suara yang mėnggėlėtar angsa itu mė-minta mėrak mėlindongi-nya. Mėrak jantan dan bėtina itu pun mėnyambut angsa itu.

Dėngan suara yang lėmbut mėrak bėtina bėr-kata :

“Sėlamat datang. Kami ini ada-lah satu kėluarga.”

Mėndėngar pėrkataan itu burong angsa itu pun hilang takut-nya sadikit. Mėrak jantan pula mėnyangka angsa bėtina itu tėlah bėrtėmu dėngan sa-suatu yang luar biasa. Ia lalu bėrtanya kapada angsa itu sėbab-nya ia takut.

Angsa bėtina itu mėnjawab: “Aku maseh bėrasa dėmam kėrana kėjadian yang tėrjadi. Aku sangat takut kapada anak Adam. Allah pėlihara-kan kita! Moga-moga kita di-lindongi Allah daripada anak-anak Adam!”

“Tėnangkan hati-mu, hai angsa yang budi-man, tėnangkan-lah hati-mu,” kata mėrak jantan.



“Mogo-moga kita di-lindongi Allah daripada anak-anak Adam!”

Mėrak jantan sudah bėrasa ta' sėdap mėndėngar chakap angsa itu.

Mėrak bėtina pula mėnchuba hėndak mėnyukakan hati angsa bėtina itu sambil bėrkata : “Bagaimana boleh anak Adam datang ka-pulau ini? Ia ta' boleh lompat, ia ta' bolch bėrjalan atas ayer!”

Kata angsa bėtina itu : “Tėrima kasch-lah banyak-banyak kėrana ģngkau mėntėnangkan hati-ku.”

Mėndėngar itu mėrak bėtina pun bėrkata : “Hai saudara-ku, chėritakan-lah kapada kami sėbab-sėbab-nya kamu takut kapada anak Adam. Apa-yah yang tėlch bėrlaku?”

Angsa bėtina itu pun bėrchėrita-lah sapėrti bėrikut :

Hai mėrak jantan yang gėnilang dan mėrak bėtina yang manis lagi murah hati. Aku tėlch tinggal di-pulau ini samėnjak aku maseh kėchil. Tidak pėrnah aku susah hati atau sakit atau hodoh. Tėtapi, malam kėlėmarin sėdang aku tidor, kėpalaku ku-lėtakkan di-bawah sayap-ku. Abu bėrmimpi bėrtėmu dėngan anak Adam. Ia tėntulah bėrchakap dėngan aku. Pada masa itu aku dėngar suara bėrtėriak : “Jaga-lah, hai angsa bėtina, jaga-lah! Ingat-ingat-lah akan anak

Adam; kělakuan-nya sangat tĕrtib dan lidah-nya pĕnoh dĕngan manisan yang mĕnarek. . Janganlah lupa pĕrkataan ahli sha'er :

*Jaga-lah manisan sa-bĕlum musang
mĕnyĕrbu,*

Musang di-sabalek lidah yang manis itu.

Kĕtahui-lah hai angsa bĕtina, anak Adam itu sangat pintar. Ia dapat mĕnarek binatang-binatang yang dahshat di-laut dan binatang-binatang yang bĕrkĕdamaian di-pĕrut ayer, datang kapada nya; sayap-sayap yang mĕngĕpak di-udara dĕngan sĕnang boleh di-jatuhkan oleh-nya. Chara-nya mĕmbuat tidak bĕrkĕtahuan. Kadang-kadang dĕngan kĕtul sĕlut yang kĕring; sunggoh pun ia itu lĕmah tĕtapi sangat-lah jahat-nya. Ia dapat mĕngalahkan gajah dan mĕruntohan alat-alat pĕrtahanan-nya itu kĕrana pĕrgunaan-nya sĕndiri. Bawa-lah diri, hai angsa bĕtina, lari-lah!

Aku pun tĕrkĕjut daripada tidor-ku. Aku tidak lagi mĕlihat ka-bĕlakang. Aku tĕrus lari dĕngan sĕgĕra dĕngan leher yang tĕrhulor dan sayap mĕngĕpak-ngĕpak. Gopoh-gopoh aku kĕluar ka-sana sini, tidak kuat lagi. Aku pun sampai-lah di-kaki sa-buah gunong, Di-situ aku bĕrsĕmbunyi di-sabalek sa-buah batu yang bĕsar. Hati-ku bĕrdĕbar-dĕbar. Aku bĕrasa ngĕri dan takut kapada anak Adam. Aku ta' makan dan

ta' minum. Tetapi walau pun begitu aku tidak berani hendak keluar menchari makanan atau ayer. Sekonyong-konyong aku lihat di-muka sa-buah gua yang dudok-nya di-hadapan tempat aku bersembunyi itu ada sa-ekor singa muda. Singa muda ini gagah. Tetapi nampak-nya ia baik dan lembut. Aku pun berasa kuat semangat dan hati-ku tertarek kapada-nya. Singa itu sudah pun melihat aku. Apabila aku memandangnya ia nampak-nya berasa terlalu suka kerana ketakutan-ku. Rupa-ku itu sudah menarek hati-nya.

Ia pun menghampiri aku lalu berkata : "Mari sini, hai anak; berchakap-lah sedikit dengan aku."

"Aku berasa mulia mendapat jemputan-nya. Aku pun pergi-lah kapada-nya dengan kelakuan yang sa-habis tertib.

"Apa-kah nama kamu dan kamu daripada kaum mana?" tanya singa itu.

Aku pun menjawab : "Nama aku angsa betina dan aku dari puak unggas."

Kemudian kata-nya : "Aku tengok kamu ini sangat ketakutan dan tuboh-mu menggěletar. Apa-kah sebab-nya?"

Aku pun memberi tahu kapada-nya akan mimpi-ku itu.

Aku terkėjut mēndēngar ia bērkata : “Aku pun tēlah bērmimpi sapērti itu juga. Aku tēlah mēmbēri tahu ayah-ku mimpi-ku itu. Ia tēlah mēmbēri ingat kapada-ku supaya baik-baik mēnjaga diri daripada anak Adam, tipu helah-nya banyak. Tētapi, sa-hingga sēkarang aku bēlum pērnah bērjumpa dēngan binatang ini.”

Mēndēngar singa muda itu bērchakap dēmi-
kian aku pun bērtamabah takut lalu bērkata :
“Sudah tēntu apa yang kita mēsti buat : mēla
pētaka ini mēsti di-binasakan. Kēmuliaan mēm-
bunoh anak Adam-itu sangat sēsuai dēngan tuan,
raja sēgala binatang. Nama-mu akan mēnjadi
mashor di-sēluroh langit dan bumi dan laut apa-
bila ia itu tuan bunoh.”

Aku mēnggalakkan singa yang muda. Aku
mēmuji-muji-nya hingga ia pun bēr'azam hēndak
kēluar mēnchari musuh kita itu.

Ia pun bērjalan dari gua itu. Di-suroh-nya
aku mēngikut dia, bērjalan-lah kami—aku bēr-
jalan di-bēlakang dan singa itu bērjalan mēlom-
pat-lompat di-hadapan. Ia bērjalan sambil mē-
mukul-mukul dēngan ekor-nya sapērti chēmēti. Ia
bērjalan dēras dan susah aku hēndak mēngikut-
nya.

Kami pun bērjalan-lah dēngan tidak bērhēnti
hingga kami lihat dēbu pasir datang mēnuju kami

Di-tengah-tengah debu itu kami lihat sa-ekor kělėdai yang mėlompat-lompat dan bėrlari-lari bėrpusing-pusing. Kadang-kadang ia mėrėbahkan diri lalu bėrguling-guling di-bumi. Pėrut dan kaki-nya di-atas. Singa itu ta'ajub mėlihat hal yang dėmikian kėrana ibu bapa-nya tidak pėrnah mėmbiarkan dia kėluar dari gua tėmpat tinggal-nya itu.

Ia pun lalu bėrtėriak mėmanggil kělėdai itu :
“Hai kamu, mari sini!”

Kělėdai itu pun datang-lah. Rakan aku pun bėrkata kapada-nya : “Hai binatang yang tidak banyak ‘akal. Apa sėbab kamu bėrkėlakuan samacham ini? Siapa-kah kamu ini? Dari puak apa kamu?”

“Ya tuan, hamba tuan ini ia-lah kělėdai,” jawab-nya, “hamba datang ka-sini kėrana hėndak lari daripada anak Adam.”

Singa itu pun kėtawa bėsar mėndėngar pėrkataan kělėdai itu lalu bėrkata : “Apa ada-kah binatang yang bėrupa dan bėsar sapėrti diri-mu ini takut kapada anak Adam?”

“Ya tuanku,” jawab kělėdai itu sambil mėnggelek-gelek kėpala-nya sa-bagai sa-orang yang bėr‘ilmu, “pada pandangan hamba tuan tidak tahu apa dia binatang yang dahshat itu. Hamba bukan

takut kapada-nya kĕrana ia boleh mĕmbunoh hamba. Tĕtapi hamba takut kĕrana ia boleh buat pĕrkara yang lĕbĕn dahshat daripada itu. Bĕnar-kan-lah hamba mĕmbĕri tahu tuan. Anak Adam itu mĕnggunakan hamba sa-bagai kĕnaikan-nya; ia buboh suatu bĕnda di-bĕlakang hamba. Bĕnda itu di-panggil-nya pĕlana. Ia kĕpit pĕrut hamba dĕngan tali dan di-buboh-nya di-bawah ekor hamba satu alat. Nama-nya hamba sudah lupa. Alat ini mĕnyakitkan anggota hamba yang lĕmbut itu. Di-masokkan-nya pula sa-kĕping bĕsi dalam mulut hamba sa-hingga bĕrdarah lidah hamba. Apabila sudah di-buat-nya bagitu ia pun dodok-lah atas bĕlakang hamba. Di-chuchok-nya leher dan pong-gong hamba dĕngan satu bĕnda yang tajam supaya hamba lari lĕbeh daripada yang boleh hamba lari. Jika di-lihat-nya hamba lari pĕrlahan-lahan ia pun mĕnyumpah dan mĕnyĕranah hamba. Sumpah-nya dĕngan kata-kata yang sangat haibat sa-hingga tuboh hamba mĕnggĕlĕtar, sa-kali pun hamba ini hanya sa-ekor kĕlĕdai. Di-hadapan orang ramai pun ia tidak segar mĕmanggil hamba :

“Barua! Anak chĕlaka! Anak sundal!”

Malang-nya jika hamba bĕrasa hĕndak mĕngĕ-luarkan angin maka tidak tĕrkira berang-nya; tidak elok bagai hamba hĕndak mĕnyĕbut di-ha-dapan tuan nama-nama yang di-bĕri kapada hamba

waktu itu. Hamba hanya bolch mēlēgakan diri hamba apabila hamba bērjalan jauh di-bēlakang atau manākala hamba sa-orang diri sahaja.

- Dan bukan itu sahaja tuan! Hamba tuan mēnjual hamba kapada pēngangkut ayer. Orang ini akan mēnggunakan hamba mēngangkut buyong-buyong ayer yang bēsar; lēpas bēbērapa bulan hamba rasa hamba akan mati kērana pērbuatan yang ta' patut yang di-lakukan ka-atas hamba. Lēpas itu badan hamba tēntu akan di-lemparkan kaapada anjing-anjing yang bērkēliaran di-tēmpat-tēmpat yang lama dan sunyi.

Itu-lah, hai anak raja, nasib yang di-sēdiakan oleh anak Adam kapada hamba. Ada-kah binatang lain dalam dunia ini yang lēbeh ta' baik nasib-nya? Hamba minta tuan bēri jawab. Hai angsa bētina yang baik dan bērpērasaan jawab-lah.”

Sēram badan aku mēndēngar chērita kēlēdai itu. Aku bērasa kasehan kapada-nya. Aku pun bērtēriak :

“Ya singa, kēlakuan kēlēdai ini tidak boleh di-ma'afkan. Hamba hampir-hampir mati mēndēngar chērita-nya yang gērun itu.”

Apabila di-lihat-nya kēlēdai itu pērgi dari situ singa itu pun mēmanggil dia : “Apa sēbab

kamu bėrgopoh-gopoh, hai sahabat-ku? Tunggu-lah bėrsama-sama kami sa-kėjap; kamu mėnarek hati-ku. Aku suka hėndak mėngambil kamu sabagai tukang bawa jalan supaya aku bėrjumpa dėngan anak Adam itu."

"Ya tuanku," jawab kėlėdai itu, "hamba tėr paksa-lah mėngaku dėngan pėrasaan yang sangat duka-chita bahawa hamba lėbeh suka bėrada jauh-jauh sa-lama sa-hari pėrjalanan daripada anak Adam itu. Hamba tėlah lari daripada-nya samalam waktu ia sėdang bėrjalan mėnuju tėmpat ini. Sėkarang hamba hėndak mėnchari satu tėmpat bėrsėmbunyi yang elok supaya tėrpėlihara-lah hamba daripada pėrbuatan-pėrbuatan-nya yang pėnoh dėngan muslihat yang jahat itu. Bėnarkan-lah hamba bėrsuka-suka sa-kėjap sėkarang, kėrana hamba yakin ia ta' boleh mėndėngar suara hamba."

Sambil ia bėrkata-kata itu kėlėdai itu pun mėnjėrit-jėrit dėngan sa-kuat-nya. Lėpas itu ia kėntut pula tiga ratus kėntut yang haibat-haibat. Kėmudian ia bėrguling-guling di-atas rumput bėbėrapa lama. Akhir-nya ia pun bangun. Apabila di-lihat-nya dėbu pasir di-kaki langit ia pun mėnėgakkan satu tėlinga-nya arah dėbu itu. Kėmudian di-tėgakkan-nya tėlinga-nya yang satu lagi itu. Ia niėrėnong dėbu itu bėbėrapa kėtika dan akhir-nya ia pun mėlompat lari dari situ.

Ta' bĕrapa lama, dari dalam dĕbu itu muncul-lah sa-ekor kuda hitam yang mĕmpunyai satu tompok putih yang rupa-nya sapĕrti duit shiling baharu di-dahi-nya. Kuda ini tĕgap dan kachak. Rupa-nya indah. Bĕntok tuboh-nya elok. Bulu yang di-pĕrgĕlangan kaki-nya itu putih warnanya. Suara-nya sangat sĕdap. Apabila ia mĕnghampiri kami dan tĕrpandang kapada singa itu ia pun bĕrhĕnti bĕrjalan kĕrana mĕnghormatkan dia. Nampak-nya ia hĕndak pĕrgi dari situ.

Tĕtapi kawan aku yang suka mĕlihat kuda yang segak itu mĕmanggil dia : "Siapa-kah kamu, hai binatang yang indah rupa? Apa sĕbab kamu bĕrlari-lari mĕlalui tĕmpat yang lĕngang dan sunyi itu dĕngan rupa yang susah?"

"Ya raja waktu," jawab kuda itu, "hamba ini kuda daripada kĕluarga kuda. Hamba sĕdang mĕlarikan diri daripada anak Adam."

Jangan-lah kamu bĕrchakap bagitu, hai kuda!" kata singa yang ta'jub itu, "tĕntu-lah mĕnjadi kĕhinaan bagi sa-ekor binatang yang bĕsar dan haibat sapĕrti kamu ini takut kapada anak Adam! Kamu boleh mĕmbinasakan jiwa-nya yang jahat itu dĕngan satu tĕrajang sahaja dĕngan kaki-mu. Tengok aku ini! Badan-ku tidak sa-bagitu bĕsar sapĕrti badan-mu. Tĕtapi bagitu pun aku tĕlah bĕrjanji dĕngan angsa bĕtina

ini, yang kamu lihat sĕkarang sĕdang mĕnggĕlĕtar, hĕndak mĕmbunoh dan mĕmakan anak Adam itu. Tujuan-ku supaya bebas-lah ia daripada kĕtakutan sa-lama-lama-nya. Lĕpas itu adalah mĕnjadi kĕwajiban dan kĕsukaan-ku mĕmbawa pulang budak dha'if ini kapada kĕluarga-nya."

Kuda itu pun mĕmandang kawan aku itu. Ia tĕrsĕnyum dĕngan rupa yang sĕdĕh lalu bĕrkata : "Ya raja, hamba minta, jangan-lah tuan mĕnaroh ingatan yang sapĕrti itu. Jangan-lah pandang bĕsar kĕkuatan dĕras lari hamba apabila di-lawan dĕngan kĕpandaian anak Adam. Tatkala hamba hampir dĕngan-nya di-chari-nya jalan mĕnjinakkan hamba kĕrana pĕrgunaan-nya. Di-pasang-nya tali di-kaki hamba. Kĕpala hamba di-ikat-nya di-palang kayu yang lĕbeh tinggi daripada hamba di-dinding, supaya hamba ta' boleh bĕrgĕrak atau dudok atau tidor. Bukan itu sahaja. Apabila ia hĕndak mĕnunggang hamba, ia pasang pĕlana di-atas bĕlakang hamba. Di-ikat-nya pĕrut hamba dĕngan urat tali yang kuat yang sangat mĕnyakitkan hamba; di-masokkan sa-batang bĕsi dalam mulut hamba. Bĕsi itu di-tarek-nya dĕngan tali ras ka-kiri ka-kanan supaya hamba ikut jalan yang ia suka. Apabila ia dudok atas hamba di-chuchok-nya rusok hamba dĕngan alat-alat yang di-pakai di-kaki-nya sa-hingga darah mĕngalir dari

badan hamba. Apabila hamba tua dan bĕlakang hamba ta' bolch lagi mĕnanggung bĕban-nya itu, dan anggota hamba lĕmah hĕndak mĕlarikan-nya, hamba di-jual-nya kapada tukang pĕngisar :

Tukang pĕngisar ini akan mĕmaksia hamba mĕngisar kisaran malam dan siang bĕbĕrapa tahun lama-nya. Kĕmudian di-jual pula oleh orang ini kapada tukang sĕmbĕleh. Tukang sĕmbĕleh akan mĕnyĕmbĕleh hamba dan mĕlapah kulit badan hamba. Akhir-nya kulit hamba itu sampai katangan tukang kulit. Rambut di-gunakan oleh tukang-tukang yang mĕmbuat pĕnapis, bañtal dan lain-lain. Itu-lah nasib hamba dĕngan anak Adam.

Chĕrita ini tĕlah mĕngachau hati singa itu. Ia pun bĕrkata : "Sudah tĕrang bahawa aku mĕstilah hapuskan pĕnyakit yang di-gĕlar anak Adam itu dari dunia ini! Bila masa-nya kamu lihat anak Adam itu, hai kuda yang budiman?"

"Hamba tĕlah lari daripada-nya pada waktu tĕngah hari. Sĕkarang ia sĕdang mĕngĕjar hamba ikut jalan ini," kata kuda itu.

Bĕlum habis ia bĕrchakap, ia tĕrlihat pula satu lagi dĕbu pasir naik. Ia sangat kĕtakutan sa-hingga ia lari daripada kami dĕngan tidak sĕmpat hĕndak mĕnguchap sĕlamat tinggal lagi. Kami tidak lari. Tidak lama kami pun mĕlihat

sa-ekor unta bėrlari dėras datang mėnuju kami. Leher-nya nampak tėrhulor dėngan kėtakutan. Apabila singa itu mėlihat binatang yang bėsar sapėrti itu pada fikiran-nya sah-lah bahawa itu-lah anak Adam: jadi-nya ia pun tidak mėnunggu nasihat aku lagi, lalu mėlompat naik ka-atas bėlakang unta itu. Ia tėrus hėndak mėmatahkan tėngkok-nya. Aku bėrtėriak: "Nanti-lah ya rajaku! Itu bukan anak Adam, tėtapi unta yang bėrani. Ia ada-lah binatang yang baik sa-kali antara sėgala binatang. Tėntu-lah dia ini pun sėdang mėlarikan diri daripada anak Adam."

Untong singa itu pun sėmpat bėrhėnti. Ia lalu bėrkata dėngan suara yang mėnyėsal kapada unta itu: "Hai binatang yang bėsar, ada-kah kamu pun takut kapada binatang yang muka-nya dėngan mudah kamu boleh lanyak ka-dalam pasir dėngan kaki-mu yang lebar itu?"

Unta itu pun mėngangkat babu-nya dan mėjawab dėngan suara yang susah: mata-nya tidak bėrgėrak sa-olah-olah ia mėlihat satu bėnda yang dahshat dalam mamai:

"Lihat lubang hidong aku ini, hai anak raja. Lubang hidong aku tėlah di-tėbok dan di-bėlah oleh tali rambut yang di-masokkan oleh anak Adam. Ini di-buat-nya supaya aku dapat di-jinakkan dan di-tuntun ka-mana yang di-sukai. Tali



*Aku bērtēriak : "Nanti-lah yu raja-ku!
ia ada-lah binatang yang baik sēkali
anataru sēgala binatang!"*

hidong yang bulat ini di-ikat kepada tali lain. Tali itu di-bërikan-nya kepada anak-nya yang kěchil sa-kali. Kanak-kanak ini mënonggang sa-ekor kělėdai yang kěchil. Dėngan mēmėgang tali itu ia bukan sahaja dapat mējaga hamba tėtapi juga kawan-kawan hamba yang bėrderet-deret itu. Tengok-lah bėlakang hamba, yang bėrbuku kėrana bėban-bėban yang di-timbun oleh anak Adam bėrzaman-zaman. Tengok-lah kaki hamba, sėmua-nya kasar kėrana tėrpaksa mėlalui pasir dan batu. Bukan itu sahaja! Apabila hamba jadi tua sėbab tidak tidor siang dan malam, anak Adam tidak mējendahkan kėsabaran hamba dan uor hamba yang tua itu. Tėtapi ia mēm-buat untong lagi dėngan jalan mējual kulit badan hamba dan tulang-tulang anggota hamba kepada pėnjual daging, tukang kulit, dan tukang-tukang kain hamparan. Itu-lah lazim-nya yang di-buat oleh anak Adam kepada puak kami.”

Mėndėngar chėrita itu singa muda itu pun tidak tėrkira marah-nya. Ia pun mėjaum dan mējgigit-gigit gigi-nya. Ia mėnumbok-numbok tanah dėngan kaki-nya dėngan bėngis. Akhir-nya bėrkata-lah ia kepada unta itu: “Bagi tahu aku dėngan sėgėra di-mana kamu tinggalkan anak Adam itu.”

Jawab unta itu : “Ia sědang mēnchari hamba. Harus ia akan sampai ka-sini bila-bila sa'at pun. Hamba minta tuan bēnarkan hamba pėrgi dari sini supya dēngan lėkas dapat hamba pėrgi mēmbuangkan diri di-nėgėri asing. Sėbab hamba mau bagitu kėrana padang pasir yang lėngang ini pun dan kėsulitan-kėsulitan tėmpat yang bėlum pėrnah di-jėjak orang tidak boleh mēnyėmbunyikan hamba daripada tangan-nya.”

Singa itu pun bėrkata : “Pėrchaya-lah kapada aku, hai unta, jika kamu tunggu sa-kėjap kamu akan dapat mėlihat aku mėlompat naik ka-atas anak Adam itu. Aku akan mėrėbahkan-nya ka-tanah. Aku akan patahkan tulang-tulang badan-nya. Aku akan minum darah-nya. Aku akan mēnjadi gėmok kėrana makan daging-nya itu nanti.”

Mėndėngar kata singa yang sangat dahshat itu unta itu pun mēngėlėtar dēngan kėtakutan dan bėrkata : “Jika hamba di-bėnarkan, ya tuanku, hamba lėbeh suka pėrgi dari sini, kėrana sa-orang ahli sha'er tėlah bėrkata :

*Jika dalam tanah-mu dan khemah-mu
Tėrdzahir muka yang kamu ta' suka,
Jangan-lah chuba mēnghapuskan muka itu,
Tėtapi pindahkan-lah khemah dan ubah
bėnua.”*

Děngan hormat-nya unta itu pun minta diri lalu pěrgi dari situ děngan děras.

'Ta' lama lěpas ia pěrgi itu munchul-lah sa-ekor binatang yang kěchil dan tua. Dari mana datang-nya binatang tidak-lah aku tahu. Nainpak-nya sa-bagai sa-orang manusia yang jahat. Kulit-nya běrkědut. Ia mēmikul sa-buah bakul alat-alat tukang kayu dan lapan kěping papan yang běsar.

Aku běrasa tidak běrupaya hěndak mēmberi ingat kapada kawan-ku itu. Lumpoh-lah anggauta-ku lalu aku rěbah. Dalam pada itu singa yang muda itu pun běrjalan ka-hadapan děngan sěnyum dan gěli hati. Ia datang hěndak mēměreksa lěbeh děkat binatang yang ganjil itu.

Tukang kayu itu pun tundok kapada kawan aku sambil těrsěnyum.

Ia běrkata děngan sangat hormat-nya: "Wahai raja yang mulia, wahai raja yang gagah pěrkasa di-atas muka bumi ini. Hamba ucapkan sělamat pětang kapada tuanku. Hamba pohonkan do'a kapada Allah supaya nama tuanku měnjadi lěbeh mashhor; kuasa tuanku běrtambah dan martabat tuanku lěbeh tinggi. Hamba ini sa-orang yang kěna seksa. Hamba datang hěndak mēminta pěrlindungan tuan daripada musuh-nya."

Ia pun měnanngis dan běrtěriak sěrta mēngě-

loh dĕngan sĕdeh-nya. Mĕlihat kĕadaan itu singa itu bĕrchakap dĕngan lĕmbut kapada-nya dan bĕrkata: "Siapa-kah mĕnyeksa kamu dan siapa-kah kamu, hai binatang yang sangat pandai bĕrchakap, dan yang sangat hodoh sa-kali rupa-mu?"

"Ya tuanku," jawab-nya, "hamba ini sa-orang tukang kayu dari kaum kĕrabat tukang kayu. Orang yang mĕnyakiti hamba ia-lah anak Adam. Hamba bĕrdo'a supaya tuanku di-pĕlihara oleh Allah. Ia suroh hamba kĕrja dari pagi hingga malam dan hamba tidak di-bĕri upah dan makan. Sĕkarang ini hamba mĕlarikan diri dari kota tĕmpat ia tinggal itu."

Singa muda itu pun bĕrtĕriak dĕngan marahnya. Ia mĕlompat, mulut-nya bĕrbueh dan matanya bĕrnyala-nyala lalu ia bĕrtanya dĕngan suara yang kuat: "Di-mana sĕkarang anak Adam yang chĕlaka itu. Tunjukkan supaya dapat aku koyak-koyakkan dia dĕngan gigi-ku. Aku akan mĕnuntut bela bagai bĕbĕrapa banyak orang yang mĕnjadi mangsa-nya itu?"

Jawab orang itu: "Sa-kĕjap lagi ia akan sampai di-sini. Ia sĕdang mĕnchari hamba kĕrana tiada orang lagi yang hĕndak mĕmbuat rumah-nya."

"Ka-mana-kah kamu hĕndak pĕrgi, hai binatang yang di-gĕlar tukang kayu?" Tanya singa itu.

Ia mēnjawab : “Hamba sēdang mēnchari wazir ayah tuan, ia-itu tuan kita harimau bēlang. Ia tēlah mēnyampaikan pērentah kapada hamba supaya hamba buat sa-buah bilek yang kuat yang bolch mēnahan sērangan anak Adam. Mēnurut khabar angin anak Adam itu hēndak datang ka-sini. Sēbab itu-lah hamba bawa alat-alat ini dan papan-papan ini.”

Mēndēngar itu singa itu bērasa sangat iri hati kapada harimau bēlang. Ia-lah bērkata kapada tukang kayu itu : “Sangat mēlampau nampaknya wazir ayah-ku mēmbēri pērentah kērana faedah diri-nya sa-bēlum kami sēndiri bēri pērentah bagi diri kami. Kamu bērhēnti di-sini dan buat bilek itu bagi-ku. Wazir ayah-ku boleh tunggu.”

Tukang kayu itu pun pura-pura hēndak pērgi dari situ sambil bērkata : “Wahai anak raja, aku takut harimau bēlang itu nanti marah. Bagaimana pun aku akan balek ka-sini apabila sudah siap kērja yang di-suroh oleh-nya itu. Aku akan buat bagi-mu bukan sahaja sa-buah bilek tētapi sa-buah istana.”

Tētapi singa itu ta' mahu mēndēngar kata tukang kayu itu. Sa-bagai bērmāin-māin sahaja di-tampar dada orang yang kēchil itu pērlahan-lahan dēngan kaki-nya. Orang itu tērbalek lalu

rĕbah ka-tanah dĕngan sĕgala alat-alat dan papan-papan-nya. Kĕtawa bĕsar-lah singa itu mĕlihat hal orang itu. Tĕtapi tukang kayu itu mĕnyĕmbunyikan marah-nya. Maka ia pun mulai-lah bĕkĕrja sambil buat-buat sĕnyum.

Ia pun mĕngambil ukoran badan singa itu. Sa-kĕtika sahaja di-buat-nya sa-buah pĕti yang kuat bĕrsĕrta dĕngan satu lubang. Pĕti itu di-pasang paku yang tĕmbus ka-dalam. Kĕmudian di-buat-nya dua tiga lubang di-dinding pĕti itu, lalu mĕnjĕmput singa itu dĕngan hormat-nya supaya masok ka-dalam rumah yang baharu itu.

“Pintu masok ini sangat kĕchil,” kata singa itu. “Tĕtapi,” kata tukang kayu itu, “Mĕrangkak-lah sadikit dan kĕmudian lompat masok. Tuan akan dapati tĕmpat itu chukup bĕsar apabila tuan bĕrada di-dalam.”

Singa itu pun mĕrĕndahkan badan-nya lalu mĕnyulor masok ka-dalam pĕti itu hingga ekor-nya sahaja yang ada di-luar. Dĕngan sĕgĕra tukang kayu itu mĕmulas ekor singa itu masok ka-dalam. Dĕngan sa-kĕjap mata sahaja pintu masok yang kĕchil itu pun di-tudong dĕngan papan lalu di-paku-nya.

Singa itu mĕnchuba bĕrgĕrak tĕtapi paku-paku yang di-dalam mĕnchuchok badan-nya. Sĕbab kĕna paku ia bĕrtĕriak kĕrana sakit dan



"Pintu ini sangat kecil," kata singa itu.

malu: "Apa ma'ana-nya rumah yang kěchil ini dan bėnda-bėnda yang tajam ini?"

Orang itu pun bėrsorak dan mėlompat-lompat sambil kėtawa, dan bėrkata: "Hai anjing padang pasir, bėnda-bėnda yang tajam itu ia-lah buatan anak Adam. Sungguh pun ia hodoh dan lėmah tėtapi boleh ia mėngalahkan sėgala kėbėranian, kėkuatan dan kėindahan."

Lėpas ia bėrkata-kata itu orang yang kěchil itu pun mėnimbulkan kayu di-kėliling pėti itu. Ia lalu mėnyalakan api.

Aku dudok tėrbaring di-bumi, tidak di-lihat oleh orang kěchil itu. Aku tengok kawan-ku itu di-bakar sampai mati. Anak Adam pun pėrgi-lah dari situ dėngan tėpok sorak kėmėnangan. Sa-sudah ia pėrgi aku pun lari sa-dėras-dėras-nya dari situ. Hati-ku pėnoh dėngan pėrasaan hiba dan takut. Dėmikian-lah aku bėrtėmu dėngan tuan-tuan.

Kėdua ekor burung itu tėlaha mėndėngar kesah itu dėngan ta'jub. Maka mėrak bėtina pun bėrkata kapada angsa bėtina itu: "Kita sėlamat di-sini, hai saudara-ku. Kamu boleh dudok bėrsama-sama kami bėbėrapa lama yang kamu suka sa-hingga di-bėri Allah hati-mu nyaman, ia-itu kurnia-nya yang bėsar sa-kali lain daripada kėsehatan."

“Tětapi, aku sangat takut,” kata angsa bětina itu.

Měrak bětina itu pun mējawab: “Tidak mustahak bagi-mu bėrasa takut, kėrana takut itu ma‘ana-nya hėndak mėlarikan diri daripada nasib. Kamu tėntu-lah tahu bahawa tiap-tiap hutang itu mēsti di-bayar. Apa yang tėrtulis di-dahi kita akan di-tunaikan. Kamu patut-lah bėrasa lėga bahawa Tuhan yang ‘adil tidak mēnghabiskan hayat kita yang di-jadikan-Nya sa-hingga sudah kita mėrasai ni‘mat yang tėlah di-untokkan-nya.”

Dalam masa mėreka bėrchakap-chakap itu tėrdėngar-lah bunyi dahan-dahan patah dan bunyi orang bėrjalan. Dėngan kėtakutan-nya angsa bětina itu pun tėrbang mėnuju ka-laut, sambil bėrtėriak: “Jaga-jaga, jika tidak nasib-mu tėntu-lah tėrtunai.”

Tětapi tidak bahaya yang muncul mėlainkan sa-ekor rusa yang indah yang mēnghulor kėpala-nya di-chėlah dahan kayu.

“Jangan-lah takut, hai saudara-ku,” tėriak mėrak bětina kepada angsa kėtina yang tėrbang itu, “mari-lah balek chėpat-chėpat, kėrana kita ada sa-orang yang baharu datang. Ia ini daripada kawan kėluarga haiwan, sa-bagaimana kamu daripada kawan kėluarga unggas. Ia tidak makan daging yang bėrdarah, tětapi makan rumput

sahaja. Jika kamu biarkan hati-mu bėrgunchang sampai bagitu, kamu akan jatuh sakit.”

Angsa bėtina itu pun balek dan rusa itu pun bėrkata dėngan hormat-nya: “Ini-lah kali yang pėrtama aku sampai ka-sini. Bėlum pėrnah aku lihat puchok-puchok kayu yang sėdap nampak-nya. Bėnarkan-lah aku dudok bėrsama-sama kamu dan mėrasai ni‘mat yang di-kurniai oleh Allah.”

“Kami sambut, hai rusa!” jawab mėreka itu.

Bėbėrapa lama-nya dudok-lah mėreka bėrsama-sama, makan dan minum. Mėreka tidak lalai sėmbahyang pagi dan pėtang, kėchuali angsa bėtina yang bėrasa diri-nya sėlamat dan tidak mėnunaikan surohan Tuhan.

Sudah nasib-nya, kėrana ia tidak mėmbėri shukor kapada Tuhan jiwa-nya pun ta’ lama lagi akan mėlayang.

Pada satu pagi sa-buah kapal di-pukul ombak dan pėchah di-pantai itu. Anak-anak kapal yang naik ka-darat dėngan sėgėra mėnuju kumpulan binatang-binatang itu. Apabila tėrlihat sahaja kapada mėreka, mėrak jantan dan bini-nya, tėrbang ka-pohon kayu yang lėbeh tinggi dan rusa itu pun mėlompat masok ka-dalam hutan lalu lėnyap. Tėtapi angsa bėtina itu sudah hilang

'akal. Ia lari ka-sini sa-kějap dan ka-sana sa-kějap sa-hingga ia di-tangkap lalu di-makan.

Maka sangat tĕrkĕjut burong-burong mĕrak itu mĕlihat leher angsa bĕtina kĕna sĕmbĕleh. Mĕreka pun pĕrgi-lah mĕnchari rusa dan dĕngan mudah-nya bĕrtĕmu-lah mĕreka dĕngan dia. Mĕreka pun bĕrchĕrita-lah apa yang tĕrjadi kapada angsa bĕtina itu.

Mĕreka mĕnangis mĕngĕnangkan kawan mĕreka yang malang itu. Bĕrkata-lah mĕrak bĕtina : "Angsa bĕtina itu tĕrtib, manis dan lĕmah lĕmbut kĕlakuan-nya."

"Itu bĕtul," kata rusa pula, "tĕtapi ia tĕlah lupa kapada Allah. Dua tiga minggu ini ia tidak bĕrshukor kĕrana ni'mat yang di-kurniakan oleh Yang Maha Kuasa."

Maka kata mĕrak jantan : "Mari-lah kita sĕmbahyang." Kĕtiga-tiiga mĕreka itu pun sujud sĕmbahyang dan mĕmuji-muji Tuhan kĕrana rahmat-Nya kapada sakalian yang di-jadikan oleh-Nya.

— T A M A T —